

29 OCT 1999

Mahathir-Murad

KERAJAAN PERLU SIASAT DAKWAAN MURAD TERHADAP ANWAR, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan perlu menyiasat dakwaan bekas penolong gabenor Bank Negara Malaysia Datuk Abdul Murad Khalid semalam bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai kira-kira 20 "akaun induk" bernilai RM3 bilion.

Sambil melahirkan rasa terkejut beliau terhadap dakwaan itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak sangka bagaimana bekas timbalannya itu boleh melakukannya.

"Saya terkejutlah. Saya tak tahu macam mana dia boleh buat kerja macam ini," kata beliau pada persidangan berita selepas Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin membentangkan Belanjawan 2000, di Dewan Rakyat, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai dakwaan yang dibuat oleh Murad dalam satu akuan berkanun semalam dengan mendakwa RM3 bilion itu adalah untuk memajukan cita-cita politik Anwar.

Ditanya sama ada Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan membuat siasatan, beliau berkata: "Saya fikir tentu dia (BPR) nak tanya Murad tentang apa asas-asas dia."

"Tentu kita nak tahu siapa yang dapat, macam mana dia dapat, macam mana duit itu dikumpul (dan) siapa pegang (duit itu)," kata Dr Mahathir.

Timbalan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) (Bahagian Operasi) Datuk Haji Ahmad Said Hamdan dilaporkan berkata di Kuala Terengganu hari ini bahawa BPR telah menubuhkan pasukan khas semalam bagi menyiasat dakwaan Murad itu.

Anwar dalam satu kenyataan yang dibacakan kepada para wartawan oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail di bangunan Mahkamah Tinggi di sini hari ini, menafikan dakwaan Murad itu dan menyifatkannya sebagai tidak berasas.

Dr Mahathir berkata walaupun jumlah itu mungkin tidak RM3 bilion, "tetapi tentu adalah."

"Kalau tidak, tak akan orang itu (Murad) cerita berkenaan perkara ini," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan Anwar dan beberapa lagi orang yang dinamakan oleh Murad dalam akuan bersumpah itu menyaman Murad di mahkamah, Dr Mahathir berkata: "Sama ada dia saman atau tidak, saya berpendapat kerajaan perlu menyiasat kerana ia melibatkan pengurusan dana kerajaan."

"Tak akanlah kita biar begitu sahaja," kata Perdana Menteri.

Mengenai sebuah agensi yang berpusat di Amerika Syarikat yang Murad dakwa menerima US\$10 juta (RM38 juta) dan menjadi saluran utama Anwar untuk menaikkan imejnya di Amerika Syarikat dan Eropah, Dr Mahathir berkata niat Anwar adalah untuk menjadi popular.

Perdana Menteri berkata beliau "diperalatkan" oleh Anwar supaya dibenar untuk memberi syarahan dan menghadiri seminar yang dianjurkan oleh agensi berkenaan.

Ketika ditanya sama ada dakwaan Murad itu akan menjejaskan kewibawaan Bank Negara, Dr Mahathir berkata "itu merupakan satu cara melihatnya."

"Tetapi saya berpendapat apabila kita mempunyai seorang menteri kewangan yang tak berprinsip, maka perkara seperti ini boleh berlaku. Tetapi kita sekarang ini mempunyai seorang menteri kewangan yang baik, yang tidak akan melakukan perkara seperti itu.

"Lain kali kita akan lebih berhati-hati mengenai siapa yang akan dilantik sebagai menteri kewangan," katanya.

Ditanya sama ada dakwaan Murad bahawa sebagai menteri kewangan ketika

itu, Anwar menggunakan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk mengkhianati ekonomi Malaysia dan akhirnya menjatuhkan beliau (Dr Mahathir), perdana menteri berkata:

"Andaian itu dibuat oleh orang lain sebelum itu...sebabnya kenapa dia begitu mahu ikut IMF dan mengambil langkah-langkah yang merosakkan ekonomi ialah kerana dia menjangka kerajaan akan meminta bantuan IMF dan jika itu berlaku sudah tentunya, kita terpaksa menerima syarat-syarat IMF.

"Itu akan menjadikan saya sangat tidak popular dan saya terpaksa berundur dan dia (Anwar) mengambil alih," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada dakwaan Murad itu akan dianggap sebagai satu "helah" kerajaan, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak tahupun mengenai dakwaan Murad itu terhadap Anwar dan yang lain.

"Kita tahu dia (Murad) didakwa (di mahkamah). Itu saja. Tetapi bahawa dia akan membuat kenyataan yang memudaratkan ramai orang...itu kita tidak jangka," katanya.

(Murad meletak jawatan dari Bank Negara pada 1 Feb tahun ini dan kemudian menyertai RHB Bank sebagai pengarah eksekutif.

Beliau dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada 16 Sept 1999 atas tuduhan gagal mengisytiharkan aset bernilai RM23 juta dan kesnya sedang menunggu perbicaraan. Beliau sejak itu telah meletak jawatan dari RHB Bank.)

Ketika ditanya sama ada beliau menjangkakan lebih banyak pendedahan seperti yang dibuat oleh Murad, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu.

"Saya terkejut dengan pendedahan ini. Saya fikir satu kejutan besar sudah cukup," katanya.

-- BERNAMA

ES MAI